

SPAHL kurang kebergantungan air bersih

Melaka: Kegagalan mewartakan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHL) ternyata memberi kesan kepada rutin harian berikutan kebergantungan kepada air bersih semata-mata.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, setiap kerajaan negeri digesa mewartakan SPAHL yang sudah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) sejak Mac 2012.

“Saya berharap semua negeri mengambil langkah mewartakan penggunaan SPAHL untuk kebaikan semua pihak. Setakat ini, hanya enam negeri mewartakannya dengan meminda Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS), iaitu Pe-

rak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) di Hotel Equatorial, di sini, semalam.

Menurutnya, kemarau panjang yang melanda negara memberi kesan kepada beberapa negeri sehingga terpaksa mencatu penggunaan air kerana kolam tadahan air merosot ke tahap kritikal.

“Keadaan negara semakin kritikal dengan kemarau panjang sehingga bekalan air terpaksa dicatu berikutan perubahan musim tidak menentu, jadi kita perlu mencari jalan penyelesaian.

“Saya akui meskipun enam negeri sudah mewartakannya, tetapi belum



ABDUL Rahman

mencapai tahap kecekapan yang diinginkan. Malah, Selangor yang turut menandatangani pewartannya belum ada pelaksanaan dan kami amat memahami bahawa pelaksanaan menjadi cabaran besar namun berdasarkan kadar hujan di ne-

gara kita, sistem ini amat diperlukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan air terawat,” katanya.

Abdul Rahman berkata, di peringkat permulaan, sistem itu boleh dilaksanakan oleh pemaju perumahan.

“Setiap rumah yang baru dibina terus dilengkapi dengan sistem SPAHL ini, malah ketika ini juga setiap kawasan perumahan memiliki sistem pengairan sendiri.

“Saya berpendapat rakyat memahami bagi mendapatkan perkhidmatan terbaik dan setiap orang perlu menanggung kosnya,” katanya.

Abdul Rahman berkata, kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) mendapati, 34 peratus air dirawat mampu diijmatkan jika SPAHL diaplikasi dengan baik.